



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : PEROLEHAN BINAAN
KOD MATA PELAJARAN : BPD 3073
KURSUS : 3 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
DI BAHAGIAN A, DUA (2) SOALAN DI
BAHAGIAN B DAN SATU (1) SOALAN DI
BAHAGIAN C.

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan.

- S1 (a) Terdapat pelbagai takrifan perolehan yang diberikan oleh ahli akademik dan ahli profesional mahupun ahli industri pembinaan di seluruh dunia. Takrifan perolehan yang tepat dan mudah difahami ialah seperti yang diberikan oleh Dr. Denise Bower dalam buku *Management of Procurement*. Nyatakan takrifan perolehan tersebut. (4 markah)
- (b) Bagi pelaksanaan sesuatu projek pembinaan, keperluan strategi projek adalah sangat penting. Strategi projek ini boleh terdiri daripada pelbagai sub-strategi. Nyata dan huraikan secara ringkas **enam** sub-strategi tersebut. (12 markah)
- (c) Jelaskan dengan menggunakan **satu** contoh setiap istilah berikut yang menggambarkan suasana (scenario) dalam pelaksanaan sesuatu projek pembinaan.
- (i) Persekitaran yang berseteru (hostile environment) (2 markah)
- (ii) Pelbagai Organisasi Sementara (Temporary Multi-Organisations – TMO) (2 markah)
- S2 (a) Huraikan dengan ringkas definisi klien daripada perspektif perolehan dalam pembinaan. (4 markah)
- (b) Pelaksanaan sesuatu projek pembinaan bermula daripada **klien**, iaitu sebagai pembiaya sesuatu proses pembinaan yang memperuntukkan perspektif penting dalam penghasilan projek itu. Pihak **klien** lazimnya akan menekankan empat faktor utama untuk memastikan keperluan projeknya dipenuhi oleh sesebuah pasukan projek. Bincangkan **dua** faktor dan kaitannya dengan amalan perolehan. (6 markah)
- (c) Sistem perolehan secara umumnya boleh dibahagikan kepada **empat** kategori utama berdasarkan kepada dua bentuk hubungan yang wujud.
- (i) Apakah **dua** bentuk hubungan tersebut? (2 markah)
- (ii) Bincangkan sebab-sebab pengkategorian ini boleh terhasil dengan mengambil kira hubungan-hubungan tersebut. (8 markah)

BAHAGIAN B

Jawab **DUA** soalan sahaja.

- S3 (a) Nyatakan **dua** ciri asas dalam Sistem Perolehan Terasing (Separated Procurement System).
(4 markah)
- (b) Dalam Sistem Perolehan Terasing (Separated Procurement System), pembayaran dibuat oleh klien kepada dua pihak iaitu perunding-perunding dan juga kontraktor. Huraikan dengan membezakan asas yang digunakan oleh klien untuk membuat pembayaran kepada kedua-dua pihak tersebut.
(4 markah)
- (c) Huraikan dengan ringkas **empat** masalah yang mungkin timbul semasa peringkat pembinaan dengan menggunakan contoh yang relevan sekiranya Sistem Perolehan Terasing (Separated Procurement System) diamalkan dalam sesuatu projek pembinaan.
(12 markah)
- S4 (a) Reka dan Bina ialah salah satu sistem perolehan dalam kategori Sistem Perolehan Bersepadu (Integrated Procurement System). Sistem Reka dan Bina mementingkan hubungan yang wujud antara klien, perunding dan kontraktor. Lakarkan gambar rajah yang sesuai bagi menunjukkan bentuk hubungan antara ketiga-tiga pihak tersebut.
(5 markah)
- (b) Setelah keputusan dibuat oleh pihak klien untuk melaksanakan sesuatu projek pembinaan dengan menggunakan Sistem Perolehan Reka dan Bina (Design and Build Procurement System), terdapat lima peringkat proses yang perlu diambil kira. Huraikan dengan ringkas **kesemua** peringkat tersebut.
(10 markah)
- (c) Sistem Reka dan Bina berupaya menghasilkan tiga keuntungan kepada pihak klien.
- (i) Nyatakan **tiga** keuntungan tersebut.
(3 markah)
- (ii) Buktikan kenyataan di atas dengan memberi **satu** contoh projek penswastaan pembinaan infrastruktur di Malaysia yang telahpun disiapkan.
(2 markah)

- S5 (a) Amalan Sistem Perolehan Berorientasi Pengurusan (Management Orientated Procurement System) mempunyai hubung kait yang penting dengan perubahan yang berlaku dalam corak pembinaan itu sendiri. Huraikan fenomena ini dengan menggunakan **tiga** contoh yang bersesuaian. (6 markah)
- (b) Pengurusan Secara Kontrak (Management Contracting) dan Pengurusan Pembinaan (Construction Management) adalah sistem-sistem yang dikategorikan dalam Sistem Perolehan Berorientasi Pengurusan (Management Orientated Procurement System). Terangkan secara ringkas perbezaan yang wujud antara kedua-dua sistem perolehan tersebut. (8 markah)
- (c) Dalam Sistem Perolehan Berhemah (Discretionary Procurement System) terdapat satu konsep yang dikenali sebagai *partnering* yang biasanya mengambil kira komitmen jangka masa panjang antara pihak-pihak yang terlibat. Huraikan dengan ringkas **tiga** peringkat proses utama dengan menggunakan **satu** contoh yang relevan. (6 markah)

BAHAGIAN C

Jawab **SATU** soalan sahaja.

- S6 Sebuah kolej pengajian tinggi ingin meluaskan kampus sedia ada untuk menampung pertambahan bilangan pelajar. Pegawai-pegawai tertinggi dan pihak berkepentingan kolej tersebut telah mengenal pasti masalah kekurangan tempat tinggal pelajar sebagai salah satu keutamaan yang perlu disegerakan pembinaannya. Namun, pihak kolej tersebut juga menyedari mereka kekurangan dana bagi menyegerakan pembinaan tempat tinggal pelajar berkenaan.

Pihak kolej tersebut telah meminta nasihat anda sebagai seorang pengurus projek. Anda mencadangkan kepada pihak kolej tersebut supaya memilih **sistem perolehan *turnkey*** bagi menyelesaikan masalah ini. Perincikan cadangan anda kepada pihak kolej tersebut dengan memilih kaedah ***turnkey*** yang tepat.

(20 markah)

- S7 Mutakhir ini, isu pembangunan mampan sering diperkatakan oleh ahli cerdik pandai di seluruh dunia terutamanya di negara-negara maju. Isu pembangunan mampan ini sangat berkait rapat dengan inisiatif untuk menghasilkan lebih banyak bangunan mesra alam (*green buildings*) yang turut juga melibatkan pemilihan kaedah perolehan yang bersesuaian. Pihak klien telah meminta nasihat anda sebagai seorang pengurus projek tentang kaedah perolehan yang mementingkan aspek ini. Bincangkan cadangan anda kepada pihak klien.

(20 markah)